

23 OCT 1999

Guru-Reaksi

NAJIB PERLU TEGAS TERHADAP GURU BERPOLITIK, KATA PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno mahu Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak bertindak tegas terhadap guru-guru yang menjadikan bilik darjah sebagai gelanggang politik mereka untuk memfitnah kerajaan.

Pengerusi Majlis Kemahasiswaan dan Latihan Pemuda Umno, Zein Isma Ismail, berkata Kementerian Pendidikan tidak boleh berkompromi dalam tindakannya terhadap perbuatan para guru itu.

"Kementerian perlu meneliti perkembangan ini secara serius dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya tanpa sebarang kompromi atau tunduk kepada tekanan mana-mana pihak," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Beliau mengulas pendedahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jitra semalam bahawa terdapat guru di Kedah yang menyediakan soalan matematik berunsur politik.

Zein berkata guru yang sanggup "melacurkan" profesionalisme itu adalah terdiri daripada mereka yang bacul dan sanggup memusnahkan masa depan generasi muda dengan propaganda politik kepartian yang sempit.

Menurutnya guru yang terlibat dalam gerakan anti kerajaan di sekolah-sekolah tidak harus bersikap seperti gunting dalam lipatan atau api dalam sekam.

Sementara itu, di SEREMBAN, Pergerakan Wanita Umno akan mengadakan perjumpaan dengan Najib bagi mencari pendekatan dalam usaha menangani perbuatan segelintir guru yang menyelitkan unsur kebencian kepada kerajaan dan pemimpin.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata pergerakan itu akan berganding bahu dengan Kementerian Pendidikan dan mengadakan perbincangan dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah-sekolah.

"Buat permulaan, kita akan mengadakan pertemuan dengan PIBG untuk memberikan penjelasan mengenai isu-isu semasa," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja memantau jentera pilihan raya Wanita Umno Negeri Sembilan di Wisma Umno, di sini, hari ini.

Selain itu, pendekatan Wanita Umno adalah melalui kumpulan kecil yang bergerak secara gerak mesra untuk menemui guru-guru terutamanya guru wanita di semua peringkat.

Siti Zaharah berkata sebagai pendidik, guru perlu mempunyai pandangan positif mengenai apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk rakyat dan negara.

Di ALOR SETAR, Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid berkata Jawatankuasa Pendidikan Negeri telah mengenal pasti guru yang membuat kertas soalan berunsur kebencian terhadap kerajaan.

Sanusi, yang juga pengerusi jawatankuasa itu, berkata kerajaan negeri menyerahkan tindakan selanjutnya terhadap guru itu kepada Kementerian Pendidikan.

Beliau mengakui terdapat beberapa guru yang tidak komited kepada pekerjaan dan profesyen mereka tetapi yang nyata ialah ramai guru amat berdisiplin.

"Saya yakin guru yang berdisiplin ini berasa kecewa dengan adanya guru yang jenis macam itu yang merosakkan nama baik profesyen berkenaan. Guru yang sedemikian layak dipanggil makhluk perosak kerana dia menimbulkan penyakit kepada masyarakat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan

mesyuarat agung Pertubuhan Peladang Negeri Kedah kali ke-16 di sini, hari ini.

Semasa mengulas pendedahan Dr Mahathir itu, Sanusi berkata golongan guru seperti itu sukar dikenalpasti secara khusus tetapi sebaik-baiknya mereka harus sedar bahawa perbuatan mereka itu amat tidak baik.

"Dalam konteks persekolahan, perkara itu boleh menjejaskan pelajaran anak-anak murid," katanya sambil menegaskan bahawa guru tidak harus menggunakan kemudahan persekolahan untuk kepentingan politik.

Anggota Exco Kerajaan Negeri, Ahmad Lebai Sudin, pula mendedahkan bahawa guru yang membuat kertas soalan itu mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi, Pokok Sena, iaitu di kawasan Dewan Undangan Negeri beliau.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata semua guru perlu memegang amanah yang diberikan kepada mereka untuk mendidik dan bukannya merosakkan pelajar dengan menyebarkan dakwah politik.

Beliau berkata perbuatan guru membuat kertas peperiksaan berbentuk politik tidak sepatutnya berlaku dan menunjukkan guru berkenaan tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan amanah.

"Semua guru diberi amanah untuk mendidik generasi, jadi janganlah kita mengkhianat dengan merosakkan minda generasi itu," katanya di sini hari ini.

Wan Mokhtar berkata setakat ini tiada laporan kes seumpama itu berlaku di Terengganu.

"Bagaimanapun, Jabatan Pendidikan negeri perlu sentiasa membuat pemeriksaan bagi memastikan perkara itu tidak berlaku," katanya.

Di IPOH, Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata terdapat guru-guru di negeri ini yang menghasut murid-murid membenci kerajaan dan juga Barisan Nasional.

Kerajaan negeri telah mengenal pasti guru-guru yang terlibat dengan kebanyakannya mengajar di kawasan bandar, katanya kepada pemberita selepas melancar sambutan Hari Keluarga peringkat negeri Perak di sini.

Beliau berkata setakat ini tiada tindakan diambil ke atas mana-mana guru tetapi pengawasan masih diteruskan.

Menurutnya kegiatan anti kerajaan di kalangan guru masih belum serius dan terkawal tetapi jika dibiarkan boleh membahayakan.

Ramli berkata jika perbuatan itu tidak dihentikan, ia akan mempengaruhi generasi muda untuk menjadi golongan pelampau.

Di SHAH ALAM, Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata tiada kegiatan anti kerajaan dikesan di institusi pengajian tinggi di Selangor.

Beliau berkata setiap institusi pengajian tinggi mempunyai mekanisme tersendiri untuk memantau kegiatan pelajar dan tenaga pengajarnya.

Beliau berkata pegawai pentadbiran serta pengurusan institusi setiap institusi itu akan mengadakan mesyuarat bulanan untuk mengutarakan sebarang masalah atau rasa tidak puas hati terhadap sebarang isu.

"Sehingga ini saya belum dengar sebarang rungutan atau rasa tidak puas hati terhadap kerajaan dikemukakan," katanya dalam persidangan berita selepas merasmikan Majlis Konvokesyen ke-4, Kolej Inpens di sini, hari ini.

Menurutnya beliau menaruh kepercayaan penuh kepada tenaga pentadbir institusi pengajian tinggi yang memberi jaminan mereka akan memantau kegiatan para pelajar dan tenaga pengajarnya.

Sementara itu naib presiden Gerakan Dr S. Vijayaratnam berkata guru yang melakukan aktiviti anti kerajaan sebegini membuang masa dan tidak menjalankan amanah yang diserahkan kepada mereka.

"Kerajaan begitu adil menjaga kebajikan kakitangannya. Mereka yang tidak menyedari perkara ini dan terus mengkritik `tangan yang menyuap mereka' sebenarnya langsung tidak bersyukur," katanya.

Di KUCHING, Menteri Pembangunan Perindustrian Datuk Abang Johari Openg berkata tiada guru di Sarawak yang terbabit dalam perbuatan memesongkan

pemikiran pelajar supaya membenci kerajaan dan pemimpin.

Sebaliknya, para guru memberikan kerjasama kepada kerajaan dalam mententeramkan masyarakat terutama dalam suasana politik yang semakin hangat menjelang pilihan raya umum.

"Walaupun mereka ada peluang untuk meracuni pemikiran murid dan rakyat tetapi kesemua guru di negeri ini tidak berbuat demikian," katanya pada majlis perasmian persidangan perwakilan Kesatuan Guru Bumiputera Sarawak (KGBS) di sini.

Terdapat kira-kira 32,000 kakitangan pendidikan yang sebahagian besarnya guru yang berkhidmat di segenap pelusuk negeri ini.

Abang Johari, menteri yang bertanggungjawab mengenai pendidikan di Sarawak, berkata guru di sini menggunakan kebijaksanaan mereka dengan baik dan tidak bermain politik di sekolah.

Di KUALA LUMPUR, presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata perbuatan guru membuat kertas soalan berunsurkan politik itu adalah sangat memalukan.

"Saya rasa ini perbuatan yang tidak boleh dimaafkan dan langsung tidak beretika," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ijazah kepada 400 pelajar Malaysia Sheffield Hallam University pada majlis konvokesyennya di sini.

"Dan guru berkenaan, saya rasa, harus dihukum," kata Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan.

Beliau berkata guru berhak mempunyai pandangan politik mereka sendiri tetapi bukan dengan menjadikan bilik darjah sebagai tempat untuk menjatuhkan orang tertentu.

"Saya rasa kalangan guru harus tampil dan membantah (perbuatan ini) serta menggesa tindakan diambil ke atas guru berkenaan... hanya kerana nila setitik, habis rosak susu sebelanga," katanya.

-- BERNAMA

HK AZH MNY RV NAK